



PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)

**TEKS UCAPAN**

**YB DR. ZALIHA MUSTAFA  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

**SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARA INISIATIF WASTE TO WEALTH DI  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**8 JUN 2024**

**KIOS 1C1R SERI PULAU PINANG  
KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

المحمد لله رب العالمين،

والصلاة والسلام على

سيدنا محمد أشرف

المرسلين، وعلى آله

وصحبه أجمعين

**Yang Berhormat**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail**

Ahli Parlimen Bandar Tun Razak

**Yang Berbahagia**

**Datuk Seri Property Manager Surveyor**

**Haji Kamarulzaman Mat Salleh**

Datuk Bandar Kuala Lumpur

**Yang Berusaha**

**Encik Vinesh Sinha**

Ketua Pegawai Eksekutif

Fathopes Energy Sdn. Bhd.

**Yang Berusaha**

**Dr. Umi Ahmad**

Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam  
Sekitar

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Ahli-ahli Lembaga Penasihat Bandaraya  
Kuala Lumpur

Barisan Pegawai Kanan Kerajaan, pemimpin  
komuniti setempat, rakan media dan para  
hadirin sekalian.

Assalamualaikum                      warahmatullahi  
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam  
Malaysia MADANI.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini dalam Majlis Pelancaran Inisiatif Waste to Wealth peringkat Kuala Lumpur.
2. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam menjayakan program pada hari ini. Inisiatif ini adalah bukti kesungguhan kita untuk meneroka pendekatan inovatif dalam pengurusan sisa dan mempromosikan kitar semula.

3. Hari ini kita bukan sahaja melancarkan satu inisiatif, tetapi juga kita sedang memulakan satu perjalanan menuju masa depan yang lebih hijau dan lestari untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

## **WASTE TO WEALTH**

Para hadirin sekalian,

4. Inisiatif Waste to Wealth ini adalah merupakan salah satu langkah strategik di bawah Kluster Sejahtera @ WP yang bertujuan untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

5. Ia juga selaras dengan usaha kita untuk mempromosikan konsep *circular economy* yang kini telah menjadi tumpuan global.
  
6. Dalam konteks sebuah bandar raya yang pesat membangun seperti Kuala Lumpur, pengurusan sisa pepejal adalah satu cabaran yang amat besar. Setiap hari, bandar ini menghasilkan sekitar 2,300 tan sisa pepejal. Angka ini menunjukkan betapa pentingnya usaha kita dalam menguruskan sisa pepejal dengan lebih efektif dan mampan.

7. DBKL sendiri telah memperuntukkan sejumlah RM 260 juta setahun untuk pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam. Ini bukan satu nilai yang sedikit. Oleh itu, dengan adanya inisiatif Waste to Wealth ini, persepsi masyarakat terhadap sisa pepejal sebagai sumber yang tidak berguna dapat diubah kepada sesuatu yang boleh mendatangkan keuntungan dan manfaat kepada komuniti.

## **PROGRAM 1 KOMUNITI 1 KITAR SEMULA (1C1R)**

Para hadirin sekalian,

8. Salah satu komponen penting dalam inisiatif Waste to Wealth ini adalah dengan adanya Kiosk 1 Komuniti 1 Kitar Semula atau 1C1R yang berperanan sebagai pusat kitar semula statik yang akan memudahkan warga kota untuk mengitar semula sisa pepejal. Sehingga kini, kita telah mempunyai lapan kiosk 1C1R yang beroperasi di sekitar Kuala Lumpur.

9. **Pada hari ini sukacita saya ingin mengumumkan bahawa DBKL akan menambah empat lagi kiosk 1C1R yang baru, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 12 kiosk.**
  
10. Kiosk-kiosk ini tidak hanya akan memudahkan aktiviti kitar semula, bahkan juga akan menawarkan insentif kepada warga kota yang terlibat. Ini adalah langkah yang sangat positif dalam menggalakkan lebih ramai orang untuk turut serta dalam usaha untuk menjaga alam sekitar.

11. Dengan adanya kiosk ini, saya berharap agar kesedaran dan pengetahuan masyarakat mengenai kepentingan kelestarian alam dapat terus dipertingkatkan.

## **SESI MENANDATANGANI MOU ANTARA DBKL DAN FATHOPES ENERGY SDN. BHD.**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Pada hari ini juga, kita akan menyaksikan satu langkah penting dalam menjayakan inisiatif Waste to Wealth, iaitu sesi menandatangani Memorandum Persefahaman antara DBKL dan FatHopes Energy.

13. Kerjasama staregik ini akan menjayakan pelaksanaan program 1C1R melalui pembangunan aplikasi tersebut. FatHopes Energy telah berbesar hati untuk membantu DBKL dalam membangunkan aplikasi ini.
  
14. Saya difahamkan, aplikasi 1C1R ini akan memudahkan warga kota menyertai aktiviti kitar semula dan menjana pendapatan sampingan melalui penebusan mata ganjaran yang boleh dipantau secara dalam talian. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada DBKL dan FatHopes Energy atas kerjasama ini.

15. Ini adalah antara bukti komitmen kita untuk mengintegrasikan teknologi dalam usaha mempromosikan kelestarian alam sekitar.
  
16. Kerjasama ini menunjukkan betapa pentingnya sinergi antara sektor awam dan swasta dalam mencapai matlamat kelestarian. Dengan sokongan dan kerjasama seperti ini, saya yakin kita dapat mencapai kejayaan yang lebih besar lagi.

## **KEPENTINGAN KOMUNITI DALAM INISIATIF WASTE TO WEALTH**

Para hadirin sekalian,

17. Penyertaan komuniti adalah merupakan kunci kepada kejayaan inisiatif ini. Sokongan dan penglibatan aktif daripada semua lapisan masyarakat amat penting untuk menjayakan inisiatif ini.
  
18. Saya difahamkan, program 1C1R yang berkonsepkan ala sistem barter ini membolehkan komuniti membawa barang kitar semula dan mendapat barangan insentif sebagai balasan. Ini adalah satu langkah inovatif yang memanfaatkan golongan yang memerlukan.

19. Selain daripada insentif material, penyertaan dalam program ini juga memberikan kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat tentang pentingnya menjaga alam sekitar. Ini adalah selaras dengan usaha kita untuk membentuk masyarakat yang lebih bertanggungjawab dan peka terhadap isu-isu kelestarian.
  
20. Saya menyeru kepada semua warga kota untuk turut sama dalam melaksanakan inisiatif ini dan menjadikan Kuala Lumpur sebagai contoh bandar raya yang bersih, hijau dan lestari.

21. Marilah kita berganding bahu bagi menjayakan inisiatif ini demi masa depan yang lebih baik.

## **PENUTUP**

Para hadirin sekalian,

22. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan inisiatif ini. Semoga usaha kita diberkati dan diberikan manfaat yang berpanjangan.

23. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini sukacitanya merasmikan Majlis Pelancaran Inisiatif Waste to Wealth di Kuala Lumpur.

Sekian. Wabillahi Taufiq Walhidayah  
Wassalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.